



AHLI Dewan Undangan Negeri Semarang, Datuk Samsol Bari Jamali (duduk, tengah) bersama pelajar UTHM yang menyertaі Program Komuniti di Kampung Haji Ghaffar, Yong Peng, Johor, baru-baru ini.

## Laksana Projek Rakan Komuniti Masyarakat di Taman Cendana, Pasir Gudang

# UTHM sasar dapat sijil ISO

Oleh AZIZI MAJID  
utusan.johor@gmail.com

**JOHOR BAHRU** 3 Jun - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyasarkan untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2008 menerusi Projek Rakan Komuniti Khidmat Masyarakat UTHM 2014-2016 dengan menjadikan Taman Cendana, Pasir Gudang, dekat sini sebagai Taman Contoh.

Pengarah projek, Noor Zahin

Sukor berkata, bagi mencapai sasaran tersebut, pihaknya merangka beberapa program dan aktiviti bersesuaian sepanjang dua tahun projek itu diadakan.

Beliau berkata, antara yang diberi fokus termasuk aspek berkaitan kepemimpinan, keselamatan, kemahiran, kebersihan, kesihatan, sukan, ekonomi dan pendidikan.

"Semua program dan aktiviti yang dijalankan oleh mahasiswa ini akan melibatkan penyertaan

daripada pemimpin dan masyarakat setempat seperti program motivasi, kursus keusahawanan, kempen kebersihan, aktiviti gotong-royong dan kitar semula.

"Sepanjang tempoh projek berlangsung, mahasiswa terlibat juga akan membuat kajian dan menghasilkan buku tentang projek ini. Oleh itu, kita sasarkan memperoleh pensijilan MS ISO 9001:2008 dengan menjadikan Taman Cendana, Pasir Gudang sebagai Taman Con-

toh," katanya selepas pelancaran projek berkenaan di Dewan Taman Cendana di sini baru-baru ini.

Majlis pelancaran projek tersebut disempurnakan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang disaksikan Naib Canselor UTHM, Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Normala Abdul Samad.

Noor Zahin berkata, projek khidmat masyarakat yang menawarkan

satu jam kredit di bawah kursus kokurikulum itu yang disertai seramai 106 mahasiswa daripada pelbagai jurusan pengajian akan diteruskan mahasiswa lain pada tiga semester akan datang.

Beliau berkata, bagi merapatkan hubungan antara UTHM dan masyarakat setempat, mahasiswa terlibat turut diambil sebagai anak angkat bagi memudahkan mereka menjalankan aktiviti yang dianjurkan.